

03 NOV 2001

Jahara-Keganasan

USAHA SEKAT KEGANASAN PERLU LIBAT SEMUA

PULAU PINANG, 3 Nov (Bernama) -- Usaha menyekat sebarang bentuk keganasan perlu melibatkan semua lapisan masyarakat bagi memastikan ia tidak menguasai kehidupan dan menghancurkan masa depan generasi akan datang.

Pengerusi Jawatankuasa Belia dan Sukan, Penerangan dan Perpaduan Negara Pulau Pinang Puan Jahara Hamid hari ini berkata kesedaran dan penglibatan semua golongan masyarakat dapat membantu menangani pelbagai isu keganasan terutamanya yang melibatkan kaum wanita dan kanak-kanak.

Beliau berkata demikian pada majlis pelancaran Kempen Organisasi Wanita Membanteras Keganasan (Ombak) peringkat negeri yang dirasmikan oleh isteri Yang Dipertua Negeri Toh Puan Majimor Shariff di sini.

Katanya kerajaan prihatin dengan sebarang bentuk keganasan yang semakin menular dalam masyarakat hari ini sama ada fizikal atau mental.

Beliau berkata pelancaran kempen Ombak di peringkat nasional oleh Perdana Menteri, Datuk Seri Mahathir Mohamad baru-baru ini membuktikan keprihatinan kerajaan dalam menangani isu berkaitan keganasan.

Jahara berkata kerajaan negeri melalui jawatankuasa pembangunan wanita negeri telah mewujudkan lima pusat khidmat wanita di setiap daerah dalam usaha mengerakkan wanita daripada semua lapisan masyarakat membanteras keganasan sehingga ke akar umbi.

Katanya sebarang aduan dan panggilan boleh dibuat kepada pusat khidmat itu yang dikendalikan oleh Lembaga Penduduk dan Pembangunan Keluarga Negara (LPPKN) negeri bagi tindakan lanjut dapat dijalankan.

Sementara itu, Majimor dalam ucapannya berkata usaha murni kerajaan melalui Kementerian Pembangunan Wanita dan Keluarga dalam membanteras keganasan patut dipuji dengan pelancaran kempen Ombak itu di seluruh negara.

Katanya banyak akta telah digubal bagi melindungi hak wanita seperti Akta Keganasan Rumahtangga yang dapat menyelamatkan mangsa keganasan yang tidak berdosa.

Beliau berkata pindaan kepada perkara 8 (2) Perlembagaan Malaysia untuk tidak membenarkan diskriminasi jantina yang telah diluluskan Parlimen baru-baru ini membuktikan bahawa keprihatinan kerajaan dalam membendung masalah keganasan daripada berleluasa.

Katanya usaha kerajaan tidak akan berjaya tanpa pembabitan masyarakat.

-- BERNAMA

NER LAT